

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	7/10/2011

## Mampu bentuk masyarakat berbilang kaum yang adil, saksama 'Sedikit rasa tak gembira' perlu

Oleh SAIFUL HAZAN HASAM  
saiful.hasam@utusan.com.my

**SIBU** 6 Okt. - Sedikit perasaan tidak gembira dalam kalangan kaum di negara ini berhubung hak-hak yang dirasakan patut dinikmati mereka telah membentuk masyarakat yang adil dan saksama, kata Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, jika terdapat satu kaum yang terlalu gembira kerana mendapat semua hak mereka, negara pasti tidak stabil kerana wujud perasaan dengki kepada kaum berkenaan.

"Apabila mereka tidak dapat semua, ada yang rasa tidak puas hati tetapi secara menyeluruh kita akan menjadi sebuah negara bangsa yang lebih stabil dan mampu membangun.

"Ini yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman. Beliau memperkenalkan idea berkorban, anda perlu berkorban sedikit untuk mendapat sesuatu yang bernilai," katanya.

Beliau berucap pada Majlis Makan Malam Bersama Komuniti SibU yang turut dihadiri Menteri Kewangan II Sarawak, Datuk Seri Wong Soon Koh dan lebih 1,000 tetamu jemputan.

Mengulas lanjut Dr. Mahathir berkata, konsep berkorban juga diamalkan dalam sistem politik Barisan Nasional (BN) yang menyaksikan kerjasama parti-parti mewakili kaum yang berbeza sebagai pe-

nyelesaian terbaik di sebuah negara majmuk.

Katanya, ia mungkin tidak berhasil di negara lain, tetapi di Malaysia kerjasama itu berfungsi dengan amat baik apabila Barisan Nasional (BN) menang pilihan raya dan membentuk kerajaan negeri dan Pusat.

"Anda lihat Kelantan tidak mahu bersama kami, tetapi itu pilihan mereka dan setakat ini mereka tidak ke mana pun sedangkan kita sudah maju ke depan," tegasnya.

Katanya, semangat berkorban dan kerjasama juga diterapkan dalam pengagihan kekayaan hasil negara seperti petroleum dan gas yang ditemui di luar pesisir pantai negeri ini dan Terengganu.

Beliau berkata, dengan persefahaman bersama, satu keputusan dicapai untuk berkongsi kekayaan dengan negeri-negeri lain yang miskin dan ia menjadi bukti kemurahan hati rakyat negara ini.

"Di sesetengah negara, jika minyak ditemui di luar pesisir, ia adalah hak kita (kerajaan Pusat) dan tidak akan dikongsi, (di sini) kita tidak kata negeri tidak dapat lang-sung.

"Kerajaan Pusat boleh putuskan, desak dan menguatkuasakan hak mutlak minyak di Sarawak dan Terengganu dimiliki 100 peratus oleh kerajaan Pusat walaupun kemudiannya diagihkan kepada semua negeri. Ia pasti mewujudkan suasana tidak gembira," jelasnya.



DR. MAHATHIR Mohamad memerhatikan cenderamata berupa album ketika beliau menjadi Perdana Menteri yang disampaikan oleh Wong Soon Koh (dua dari kanan) pada Majlis Makan Malam Bersama Komuniti SibU di Sarawak, semalam.